

# Gaji rendah punca kerja am tak diminati

**K**UALA LUMPUR: Meskipun negara bergerak ke arah ekonomi berintensifkan modal, masih banyak jawatan kosong dalam kategori pekerja am di negara ini kerana gaji yang ditawarkan adalah rendah.

Jabatan Perangkaan, dalam buletin Ogos menyebut, sepanjang tempoh Januari hingga Jun lalu, sejumlah 45,311 kekosongan dicatatkan dalam pelbagai jawatan bagi kategori asas, kebanyakannya kerja am.

Katanya, jumlah kekosongan itu semakin meningkat iaitu daripada 24,957 pada Januari kepada 26,965 (Februari), 44,710 (Mac), 46,719 (April) dan seterusnya 41,663 pada Mei.

Angka pada Jun pula melebihi pada Disember 2005 iaitu 31,595 kekosongan dalam kategori pekerjaan sama.

Prof Madya Dr Zulkifly Osman, dari Pusat Analisis Ekonomi dan Dasar Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ketika dihubungi bagi mengulas perkara itu berkata, angka berkenaan menunjukkan proses pengeluaran negara masih berintensifkan buruh dan syarikat bergantung kepada tenaga kerja murah.

"Kurang modal bermaksud kurang permintaan terhadap pekerja mahir atau pekerja berkelayakan dan ia adalah antara punca kadar pengangguran masih tinggi di kalangan graduan," katanya di sini.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) G Rajasekaran, berkata sebab utama wujud banyak kekosongan bagi jawatan kategori rendah adalah kerana jumlah gaji rendah.

"Seorang operator mesin wanita di Sungai Petani atau Muar hanya dibayar antara RM380 hingga RM450 sebulan. Adakah wajar gaji ini sedangkan kos kehidupan kita semakin tinggi setiap bulan.

"Syarikat sengaja membayar gaji rendah bagi mewajarkan mereka mengupah pekerja asing yang dibayar gaji sangat rendah," katanya.

MTUC, katanya sedang berusaha melaksanakan dasar gaji minimum RM900 sebulan bagi membolehkan pekerja menikmati taraf kehidupan yang berpautan namun kerajaan belum meluluskannya.

"Jika gaji rendah, kekosongan dalam jawatan kategori rendah akan terus meningkat memandangkan pekerja tidak berminat," katanya sambil menjelaskan majikan melaporkan mengenai kekosongan itu di Pusat Pasaran Buruh. - Bernama